

**NO. SOALAN: 301**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**RUJUKAN : 8823**

**SOALAN:**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan semula selepas Mahkamah Rayuan pada September tahun lalu memutuskan bahawa kematian Teoh Beng Hock itu akibat tindakan menyalahi undang-undang oleh seorang atau beberapa orang yang tidak dikenali, termasuk pegawai SPRM.

**JAWAPAN:**

PDRM menjalankan siasatan berhubung dengan keputusan Mahkamah Rayuan pada 5 September 2014 yang mengenepikan keputusan Mahkamah Koroner dalam Inkues kematian pembantu politik DAP Teoh Beng Hock. Pasukan siasatan telah menjalankan siasatan lanjut mengikut (4) pendekatan seperti yang digariskan oleh Mahkamah Rayuan sepermata berikut :-

- 1. Isu *pre-fall injury***
- 2. Isu nota bunuh diri**
- 3. Isu penemuan DNA pada tali pinggang mendiang Teoh Beng Hock.**
- 4. Isu kesan jari pada tingkap.**

Hasil siasatan lanjut telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara pada 6 Oktober 2015. Pihak Jabatan Peguam Negara telah meneliti kertas siasatan berkenaan dan tidak menemui sebarang keterangan yang boleh mendakwa mana-mana pihak dengan pertuduhan jenayah.

Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa kematian Teoh Beng Hock adalah kematian dalam tahanan apabila ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan menolak dakwaan bahawa mangsa membunuh diri. Mahkamah juga menyatakan bahawa punca kematian mangsa disebabkan oleh seseorang atau lebih dari seorang.

**Satu pasukan khas telah ditubuhkan oleh pihak Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman bagi menyiasat punca dan perkara ini dengan mengambilkira keputusan Mahkamah Rayuan dalam semua perkara yang melibatkan PDRM.**

**Kertas siasatan telah dirujuk semula ke pejabat Peguam Negara untuk arahan selanjutnya. Kementerian tidak bercadang mengulas lanjut berkaitan kes ini memandangkan siasatan kes ini masih lagi berjalan dan ianya dikhawatir boleh mengganggu proses siasatan tersebut.**